

BAB 6 : PENGERAK PEMBANGUNAN EKONOMI INDUSTRI

Sebagai seorang perancang ekonomi yang bijak dan berpandangan jauh, LCE melihat bahawa perkembangan sektor perindustrian merupakan antara cara terbaik untuk memulihkan dan mengembangkan ekonomi di Pulau Pinang. Dalam meneliti potensi dan pelaksanaan konsep perindustrian, terdapat beberapa perkara cuba dilakukan oleh LCE sebagai Ketua Menteri. Antaranya beliau menyediakan suatu suasana pelaburan yang baik dengan penubuhan Zon Perdagangan Bebas bagi menarik lebih ramai pelabur datang dan memulakan operasi mereka di negeri itu serta menggalakkan perkembangan sektor perkilangan untuk tujuan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk negeri bagi mengatasi masalah pengangguran. Langkah-langkah ini merupakan usaha awal LCE memajukan ekonomi negeri.

Penubuhan Zon-Zon Perdagangan Bebas Pada Tahun 1972

Walaupun LCE sibuk dengan tugasnya sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dan Pengurus PDC, kegiatan beliau membangunkan ekonomi negeri ini tetap berjalan. Akibat daripada kegalannya mendesak Kerajaan Pusat memulihkan status pelabuhan bebas di Pulau Pinang, maka beliau berusaha mendapatkan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan khususnya dari segi bantuan kewangan untuk memajukan Zon Perdagangan Bebas¹ di negeri tersebut.² Bagi LCE, pinjaman kewangan daripada Kerajaan Pusat ini

¹ Zon Perdagangan Bebas telah diberi pelbagai definisi yang berlainan sesuai dengan fungsinya yang tertentu di beberapa negara. Pada asasnya, sebuah Zon Perdagangan Bebas adalah satu kawasan yang berpagar dan ke dalamnya boleh dibawa masuk dari luar negeri barang-barang yang tertentu sama ada dalam bentuk barang mentah, barang belahan, barang separuh siap atau barang penuh siap tanpa sebarang bayaran cukai Kastam. Barang-barang itu setelah dikilang dan dipasang boleh dipindah keluar negeri juga tidak dikenakan sebarang cukai. Dari segi undang-undang Kastam dan pembayaran cukai-cukai import dan eksport bolehlah dikatakan Zon-Zon Perdagangan Bebas di Pulau Pinang itu merupakan kawasan-kawasan "asing". Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Zon-Zon*

penting bagi membolehkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang membeli tanah-tanah yang mencukupi untuk projek pembangunan Zon Perdagangan Bebas.³ Mengikut akhbar *The Star*:

From the neglected padi fields of Bayan Lepas as stated elsewhere was created the first ever Free Trade Zone (FTZ) in Malaysia and has since transformed to become Malaysia Silicon Valley. When the concept was even elusive to the alert mind of Tun Razak. It was premeditated and single-handedly executed by Dr.Lim. Having lost the free port, Penang had to do an economic miracle fast and sure, to get out of the doldrums. The FTZ was the economic masterpiece of Dr.Lim Chong Eu's very own architecture. Today, every other Malaysian state has mimicked its own FTZ after Penang. Surely Dr.Lim contributions deserve national adulation and decoration of the highest order.⁴

Bagi LCE, punca Pulau Pinang dilanda masalah pengangguran yang teruk adalah kerana negeri ini merupakan sebuah pulau kecil yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi⁵ dan tidak memiliki kekayaan hasil bumi seperti bijih timah, hasil perhutanan. Oleh itu, beliau menggunakan tanah di Pulau Pinang dengan begitu berhati-hati untuk

Perdagangan Bebas di Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1972, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, Pulau Pinang, 1973, hlm.1.

² Kerajaan Negeri pimpinan LCE telah meminjam \$22 juta daripada Kerajaan Pusat untuk memajukan kawasan-kawasan perindustrian negeri tersebut. Pinjaman ini diberikan dengan kadar bayaran bunga sebanyak enam peratus setahun. *Nanyang Siang Pao*, 29/4/73, SP45/3238, Vol.14, No.52.

³ Pada tahun 1969, Kerajaan Negeri menghadapi masalah kekurangan tanah yang meruncingkan kerana itu, 77000 ekar tanah masih di bawah kawalan secara langsung oleh Kerajaan Negeri. Kebanyakan daripada tanah itu adalah berupa pantai, kali, paya dan bukit-bukit yang berkaitan dengan takungan air. "Chong Eu Memberi ' mutiara ' Pembangunan," dalam *Puspamiga*, hlm.3. Pada bulan April 1971, LCE melalui Dewan Undangan Negeri telah meluluskan satu pindaan Akta yang membolehkan Kerajaan Negeri meminjamkan tidak lebih daripada \$50 juta daripada Kerajaan Persekutuan. Sebelum ini, Kerajaan Negeri hanya dibenarkan membuat pinjaman sebanyak tidak melebihi \$20 juta. *Nanyang Siang Pao*, 27/4/71, SP45/3238, Vol.14, No.52.

⁴ *The Star*, 10/11/90.

⁵ Pulau Pinang mempunyai keluasan sebanyak 388 batu persegi tetapi kepadatan penduduk ialah 0.38 juta orang. Negeri ini adalah negeri yang paling padat penduduknya di Malaysia. *Sing Pin Jit Poh*, 24/3/72, SP45/3234, Vol.10, No.52. Pada tahun 1972, Pulau Pinang mempunyai 800000 penduduk iaitu 500000 orang di Pulau Pinang dan selebihnya di Provinsi Wellesley. *Sing Pin Jit Poh*, 29/11/72, SP45/3236, Vol.12, No.52.

tujuan pembangunan Zon Perdagangan Bebas.⁶ Penubuhan zon-zon ini merupakan satu strategi LCE untuk menarik lebih ramai pelabur mendirikan kilang mereka di Pulau Pinang dan seterusnya mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk negeri ini. Beliau yakin apabila semua Zon Perdagangan Bebas di Pulau Pinang beroperasi sepenuhnya maka zon-zon ini dapat menyediakan sekurang-kurangnya 20000 pekerjaan.⁷ Berdasarkan penelitian beliau, LCE yakin usaha ini akan membawa hasil kerana Zon Perdagangan Bebas di Taiwan telah menciptakan sebanyak 250 ribu pekerjaan.⁸

Dengan adanya Zon Perdagangan Bebas ini, LCE berharap beliau dapat menggiatkan aktiviti perdagangan di Pulau Pinang dengan memulihkan kedudukan entrepot pelabuhan negeri ini.⁹ Langkah ini merupakan satu cara memenuhi kehendak yang mendesak dari perusahaan “ export oriented ” dari dalam dan luar negeri untuk mendapatkan satu tempat di mana bahan-bahan mentah boleh dibawa masuk tanpa sebarang cukai Kastam.¹⁰ Tujuan LCE memberikan tumpuan kepada perkembangan perindustrian berorientasikan eksport juga kerana Pulau Pinang menghadapi masalah kekurangan tanah¹¹ dan permintaan daripada ahli perniagaan.¹² Penubuhan Zon

⁶ *Sing Pin Jit Poh*, 30/6/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

⁷ *Sin Chew Jit Poh*, 5/10/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

⁸ *Sing Pin Jit Poh*, 1/1/70, SP45/3227, Vol.3, No.52.

⁹ *Sin Chew Jit Poh*, 26/6/72. Selama 150 tahun pelabuhan Pulau Pinang telah menjadi pusat perdagangan entrepot bagi Asia Tenggara yang berhubungan dengan pengekspor dan pengimportan di antara Indonesia, Thailand, dan Burma sehubungan dengan Terusan Suez dan juga ke rantau Timur/Barat ke Filipina dan ke negara China. Perdagangan entrepot ini mengalami kemerosotan yang teruk kerana konfrontasi di antara Indonesia dan Malaysia. Sejak itu, taraf Pulau Pinang sebagai sebuah tempat perdagangan bebas telah pudar sama sekali. “ Chong Eu Memberi ‘ muatiara ’ Pembangunan, ” dalam *Puspuniaga*, hlm.2.

¹⁰ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Zon-Zon Perdagangan Bebas di Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1972*, hlm.3.

¹¹ *Straits Echo*, 11/9/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

¹² Pengurus Dewan Perniagaan Cina, Tan Sri Saw Seng Kin meminta LCE membangunkan perusahaan berorientasikan eksport. *Straits Echo*, 22/6/69, SP45/3225, Vol.1, No.52. Wakil-wakil Dewan Perniagaan Cina, India, Melayu dan Barat menemui LCE pada 1 Oktober 1970 dan 11 Disember 1971 meminta beliau

Perdagangan Bebas oleh LCE turut merupakan satu usaha yang selaras dengan dasar Kerajaan Pusat untuk memberikan galakan seperti pengecualian cukai (tax holidays) kepada pelaburan asing di Malaysia.¹³ Ini bermakna, melalui penubuhan Zon Perdagangan Bebas, LCE dapat mengatasi masalah ekonomi Pulau Pinang secara tegas.

Dalam merancangkan pembangunan Zon Perdagangan Bebas, LCE telah melawat ke Mak Mandin dan Prai untuk mengkaji potensi kawasan tersebut.¹⁴ Bagi mendapatkan panduan yang lebih sempurna, beliau juga menghantar Yaacob bin Hitam (Timbalan Pengerusi PDC) mengadakan lawatan sambil belajar ke negara-negara seperti Korea Selatan, Taiwan, Jepun, Amerika Syarikat, Hong Kong dan Vietnam Selatan bagi melihat dan mengkaji perjalanan Zon Perdagangan Bebas di situ.¹⁵ Dengan lawatan ini, LCE berharap Zon Perdagangan Bebas yang ditubuhkan di Pulau Pinang adalah serupa dengan *Eksport Processing Zones* yang terdapat di negara-negara Korea, Jepun dan Taiwan di mana barang-barang mentah yang dibenarkan dibawa masuk adalah semata-mata untuk diproses dan kemudiannya dibawa keluar.¹⁶

Dalam satu Persidangan Pemberita pada 24 Ogos 1970, LCE telah mengumunkan pemilihan lokasi yang sesuai bagi dijadikan Zon Perdagangan Bebas iaitu di Bayan Lepas seluas 200 ekar, Pulau Jerejak seluas 250 ekar dan Prai seluas 57 ekar.¹⁷ Pemilihan kawasan-kawasan ini untuk dijadikan Zon Perdagangan Bebas negeri Pulau Pinang telah dibuat dengan teliti oleh LCE setelah dikaji faedah-faedah utama yang ada pada suatu

mengembangkan konsep Zon Perdagangan Bebas di Pulau Pinang. *Kwong Wah Jih Poh*, 11/12/71, SP45/3234, Vol.10, No.52.

¹³ “Chong Eu Memberi ‘muatiara’ Pembangunan” dalam *Puspamiaga*, hlm.3.

¹⁴ *Straits Echo*, 10/8/69, *China Press*, 11/8/69, SP45/3226, Vol.2, No.52.

¹⁵ *Nanyang Siang Pao*, 20/3/70, SP45/3228, Vol.3, No.52.

¹⁶ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Zon-Zon Perdagangan Bebas di Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1972*, hlm.2.

kawasan tersebut dan keperluan-keperluan khas beberapa perusahaan yang dicadangkan ditarik ke negeri ini. Selain itu, potensi perkembangan kawasan itu juga telah dipertimbangkan.¹⁸ Di Bayan Lepas, Zon Perdagangan Bebas ini dimajukan di kawasan yang terletak lebih kurang satu setengah batu daripada lapangan terbang Bayan Lepas. Beliau percaya dengan adanya kemudahan pengangkutan udara ini akan membolehkan pengangkutan barang-barang perkilangan dibawa keluar dari Zon Perdagangan Bebas dan bahan-bahan mentah ke dalamnya dengan mudah dan cepat serta menelan perbelanjaan kos pengangkutan yang paling minimum.¹⁹ Pemilihan lokasi seumpama ini di Pulau Pinang merupakan yang pertama di dunia. Mengikut LCE :

*Penang is the first area in the world to establish a free trade zone in direct connection with an airport... This not boasting and this is not in our promises to the people.*²⁰

Selain itu, LCE juga memilih kawasan Dermaga Prai di Seberang Prai sebagai sebuah lagi Zon Perdagangan Bebas. Kawasan ini menjadi pilihan beliau kerana mempunyai landasan keretapi dan jalanraya yang menghubungi saluran perhubungan lain ke Semenanjung Malaysia. Beliau berharap penubuhan Zon Perdagangan Bebas di Dermaga Prai ini bukan sahaja dapat menepati permintaan pengusaha-pengusaha yang memerlukan pengangkutan laut, jalan raya dan keretapi tetapi juga berfungsi sebagai satu pintu gerbang bagi tujuan mengeksport dan mengimport barang-barang pengilangan dan

¹⁷ Dermaga Prai terletak di kawasan Dermaga Prai Lama Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang di Seberang Prai. Pulau Jerejak terletak di sebuah pulau di sebelah Timur Pulau Pinang. *Nanyang Siang Pao*, 25/8/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

¹⁸ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Zon-Zon Perdagangan Bebas di Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1972*, hlm.9.

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Straits Times*, 20/4/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

bahan mentah kilang-kilang yang dibina di Kompleks perusahaan Prai.²¹ Manakala, lokasi ketiga yang menarik perhatian LCE untuk dimajukan sebagai Zon Perdagangan Bebas ialah kawasan Bahagian Selatan Pulau Jerejak. Ini memandangkan sebahagian daripada kawasan yang diperuntukkan itu telah biasa digunakan sebagai perkampungan bekas-bekas pesakit batuk kering dan pesakit kusta, oleh itu hanya sedikit pembangunan fizikal yang diperlukan sebagai permulaan. Kemudahan yang sedia ada ini sudah tentu dapat menjimatkan kos pembangunan. Hasilnya, perusahaan-perusahaan seperti pembinaan kapal dan pembuatan kain ditempatkan di Zon Perdagangan Bebas Pulau Jerejak dan Dermaga Prai adalah semata-mata bertujuan menggunakan sepenuh kemudahan pelabuhan yang tersedia di kedua-dua kawasan tersebut.²² Menurut LCE :

The free trade zone in Prai was the one with the most immediate potential. The area consisted of six godowns served by the Penang Port Commission and rail lines... The Prai zone would serve largely the seaborne type of industry connected with heavy industry and the development of Prai Industrial Estate... The zone at Bayan Lepas would be specialised industry centred on airborne freight services. There were already sites for electronics and more enquiries had been received from other electronics companies, Customs Dept, would be one unit in that area. The zone in Pulau Jerejak was designed for processing raw material...

²³

Selain itu, faktor-faktor yang mendorong LCE memajukan kawasan-kawasan ini sebagai Zon Perdagangan Bebas adalah kerana beliau ingin memajukan kawasan luar

²¹ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Zon-Zon Perdagangan Bebas di negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1972*, hlm.6-8.

²² *Ibid.*, hlm.8-9.

²³ *Straits Times*, 25/8/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

bandar.²⁴ Beliau ingin hasil pembangunan ekonomi yang dirancangkan itu bukan hanya dinikmati oleh penduduk-penduduk di bandar seperti George Town tetapi perancangan itu merangkumi matlamat meningkat taraf hidup penduduk luar bandar khususnya di Provinsi Wellesley.²⁵ Melalui rancangan penubuhan Zon Perdagangan Bebas, beliau berharap penduduk luar bandar dapat menikmati dan merasai kemajuan ekonomi di Pulau Pinang dengan penciptaan lebih banyak peluang pekerjaan di kawasan-kawasan ini.²⁶ Bayan Lepas misalnya merupakan sebuah kawasan menuai padi sebelum dimajukan sebagai Zon Perdagangan Bebas.²⁷ Beliau percaya penubuhan zon-zon ini akan merangsangkan proses perbandaran di kawasan tersebut apabila kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti kedai-kedai, hospital, balai polis dan perumahan didirikan untuk pekerja-pekerja di situ.²⁸ Matlamat pembangunan Zon Perdagangan Bebas oleh LCE ini adalah seiring dengan DEB iaitu mewujudkan satu masyarakat yang bersepadu melalui strategi pembasmian kemiskinan dan penyusunan masyarakat.

Sungguhpun LCE perlu menghadapi sedikit masalah²⁹ dan perbelanjaan yang tinggi terpaksa diperuntukkan bagi memajukan Zon Perdagangan Bebas di Bayan Lepas kerana di kawasan ini, tanah padi terpaksa ditimbul dan lain-lain kemudahan

²⁴ *Sing Pin Jit Poh*, 16/4/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

²⁵ *Sin Chew Jit Poh*, 27/2/70, *Malay Mail*, 30/5/70, SP45/3228, Vol.4, No.52.

²⁶ *Kwong Wah Jih Poh*, 10/6/70, SP45/3229, Vol.5, No.52.

²⁷ "Chong Eu Memberi ' mutiara 'Pembangunan," dalam *Puspaniaga*, hlm.5.

²⁸ *Sin Chew Jit Poh*, 22/10/72, SP45/3236, Vol.12, No.52. Pada tahun 1973, sebanyak 250 unit rumah didirikan di Bayan Lepas untuk pekerja-pekerja di kawasan ini. *Sing Pin Jit Poh*, 9/12/73. Pada tahun 1974, sebanyak 2000 unit rumah kos rendah didirikan di Bayan Lepas dan Bagan Serai bagi tujuan yang sama. *Straits Echo*, 30/3/74. Selain itu, sebuah kolam renang awam didirikan di Bayan Lepas supaya kawasan ini menjadi sebuah bandar yang serba lengkap. Ini bertujuan menyediakan tempat rehat untuk para pekerja. *Sin Chew Jit Poh*, 1/10/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

²⁹ Projek Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas ini telah dibantah oleh petani di Sungai Tiram dengan alasan mereka telah lama menetap di situ. Mereka mendakwa hanya akan menarik balik bantahan tersebut jika diminta oleh Perdana Menteri iaitu Tengku Abdul Rahman. Akhirnya, dengan bantuan daripada Tengku, projek ini dapat dilaksanakan dengan lancar oleh LCE. *Sunday Times*, 19/4/70, SP45/3228, Vol.4, No.52. *China Press*, 2/5/70, SP45/3229, Vol.5, No.52. *Nanyang Siang Pao*, 28/2/71, SP45/3231, Vol.7, No.52.

infrastruktur terpaksa dibekalkan berbanding dengan dua Zon Perdagangan Bebas yang lain, terutama sekali di Dermaga Prai yang sudah tersedia kemudahan-kemudahan yang diperlukan.³⁰ Bagaimanapun, kesukaran yang dihadapi oleh LCE ini tidak menghalang niat beliau untuk memajukan kawasan tersebut kerana yakin masa depan Bayan Lepas adalah cerah.³¹

Hasilnya, dalam tahun 1972, LCE menubuh Zon-Zon Perdagangan Bebas di Sungai Kluang, Bayan Lepas iaitu satu kawasan yang terletak di bahagian Barat Daya, Pulau Pinang. Zon-Zon ini ditubuhkan dalam dua peringkat iaitu Zon Perdagangan Bebas peringkat I dan Zon Perdagangan Bebas peringkat II. Beliau menjadi perintis kepada penubuhan konsep Zon Perdagangan Bebas apabila Zon Perdagangan Bebas yang pertama di Malaysia ditubuhkan di negara ini dan dibuka dengan rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B.Tun Abdul Razak bin Hussein pada bulan Januari 1972.³²

Sejak LCE mula merancangkan penubuhan Zon Perdagangan Bebas di Pulau Pinang, beliau sering menyeru pengusaha-pengusaha kilang supaya segera merebut peluang mendirikan kilang mereka di zon-zon ini.³³ Selain itu, LCE turut meminta semua Perbadanan Pembangunan Negeri di Malaysia melabur di Zon Perdagangan Bebas ini. Beliau bercita-cita menjadikan Zon Perdagangan Bebas di Pulau Pinang bersifat

³⁰ Perbelanjaan bagi memajukan Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas ialah \$552387 bagi kerja-kerja penyediaan tapak, pembinaan pagar, jalan, parit, bayaran tanah, pemindahan setinggan, bekalan air serta kemudahan kecil. Manakala perbelanjaan bagi Zon Perdagangan Bebas di Dermaga Prai dan Pulau Jerejak masing-masing menelan kos sebanyak \$225 dan \$ 35889 bagi tujuan yang sama. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Zon-Zon Perdagangan Bebas di Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1972*, hlm 25.

³¹ *Straits Times*, 27/8/71, SP45/3233, Vol.9, No.52. Beliau meramalkan pada tahun 1988, penduduk di Bayan Lepas akan mencatat jumlah seramai 250000 orang dan George Town pula mempunyai jumlah penduduk tidak melebihi 500000 orang. *Straits Times*, 1/10/73, SP45/3239, Vol.15, No.52.

³² Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Pulau Pinang : Kenangan dan Harapan 20 Tahun Pencapaian*, hlm.17. Zon tersebut yang terletak di persimpangan Jalan Bayan Lepas dan Jalan Batu Maung, seluas 22.6 ekar telah diwartakan pada 13 Januari 1972. Zon ini telah menjadi pusat perusahaan elektronik yang ulung di Malaysia. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Zon-Zon Perdagangan Bebas di Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1972*, hlm.5.

kebangsaan iaitu zon-zon ini diharapkan dapat membantu membangunkan ekonomi dan menyediakan perkhidmatan kepada setiap negeri di Malaysia. Ini merupakan satu usaha LCE mengatasi masalah ketidakseimbangan pembangunan ekonomi di antara negeri-negeri ini.³⁴ Ia juga selaras dengan cita-cita LCE menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang paling maju dan pusat aktiviti ekonomi di Malaysia.³⁵ Mengikut akhbar *Straits Echo* :

*Dr.Lim Chong Eu today called on State Economic Development in other states to look to the free trade zone in Penang as a Malaysian free trade zone. Dr.Lim said he hoped the other state corporations will look at the free trade zone as a joint investment rather than something for Penang benefit only. Dr.Lim said the other state corporations should think of Penang as the main focal point in their development.*³⁶

Dalam mengendalikan Zon-Zon Perdagangan Bebas, masalah utama yang dihadapi oleh LCE ialah kekurangan jurutera³⁷ dan juru-juru teknik yang layak dan cekap bagi menjalankan semua kerja pembangunan Zon Perdagangan Bebas untuk memenuhi permintaan para pengusaha. Ini bertujuan memenuhi permintaan untuk tapak-tapak perusahaan yang berupa *export-oriented*. Oleh itu, beliau terpaksa mempercepatkan lagi pembangunan zon-zon yang sedia ada di samping merancang dan mencari kawasan-kawasan lain untuk dimajukan. Di samping itu, Zon Perdagangan Bebas juga memerlukan kawalan keselamatan yang cekap untuk menjamin keselamatan harta benda di dalam kawasan ini dan mencegah berlakunya penyeludupan yang mungkin

³³ *Kwong Wah Jih Poh*, 25/8/70.

³⁴ *Nanyang Siang Pao*, 6/5/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

³⁵ *Straits Echo*, 28/4/71, SP45/3232, Vol.8, No.52.

³⁶ *Straits Echo*, 6/5/72, SP45/3234, Vol.10, No.52.

mengakibatkan kehilangan pendapatan kepada Kerajaan. Maka, kakitangan yang ramai diperlukan bagi menjalankan tugas pentadbiran harian bagi Zon Perdagangan Bebas.

Soal kewangan juga menjadi masalah besar kepada LCE kerana kos pengurusan yang tinggi diperlukan dengan keluasan Zon Perdagangan Bebas yang besar. Perbelanjaan ini merangkumi pemasangan lampu-lampu di sekeliling pagar zon-zon, penggunaan kuasa elektrik, air dan sewa talipon yang digunakan dan jurukawal-jurukawal di pusat kawalan kastam dan penyelenggaraan serta pemeliharaan jalan-jalan dan parit-parit di Zon-Zon Perdagangan Bebas.³⁸

Walaupun terdapat masalah, namun Zon Perdagangan Bebas di bawah LCE dikatakan telah berjaya dalam beberapa segi. Penubuhan Zon Perdagangan Bebas oleh LCE ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelabur-pelabur luar khususnya dari Singapura dan Hong Kong yang menanam modal dalam perusahaan kain, pembuatan alat permainan dan jam tangan.³⁹ Malahan Pengurus Besar Hong Kong Bank yakin lebih ramai pelabur dari Hong Kong akan mendirikan kilang mereka di kawasan ini.⁴⁰ Selain itu, syarikat perkapalan dari Belanda iaitu I.H.C (M) Sdn.Bhd juga menunjukkan minat mendirikan sebuah kilang pembuatan kapal di Pulau Jerejak.⁴¹

Penubuhan Zon Perdagangan Bebas yang diilhamkan oleh LCE itu bukan sahaja menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat yang pertama dalam perusahaan barang-barang untuk eksport di Malaysia tetapi juga dapat mengurangkan masalah pengangguran yang

³⁷ *Nanyang Siang Pao*, 20/5/73.

³⁸ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Zon-Zon Perdagangan Bebas di Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1972*, hlm.29-30.

³⁹ *Sin Chew Jit Poh*, 13/10/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

⁴⁰ *Nanyang Siang Pao*, 24/6/72, SP45/3235, Vol.11, No.52.

⁴¹ Syarikat-syarikat perkapalan lain yang juga menunjukkan minat yang sama ialah Maritime Sdn.Bhd, Syarikat Kumpulan Capt.Philip. *Straits Echo*, 13/10/71, SP45/3233, Vol.9, No.52.

ihadapi di Pulau Pinang dengan penciptaan 4113 peluang pekerjaan.⁴² Konsep Zon Perdagangan Bebas itu kemudiannya dijadikan bidang kajian yang penting oleh negara Indonesia apabila Menteri Kewangan negara berkenaan iaitu Dr.Ali Wardhana mengadakan lawatan sambil belajar di Pulau Pinang pada tahun 1973.⁴³

Maka, bolehlah dikatakan, walaupun ada masalah dalam projek Zon Perdagangan Bebas di bawah pimpinan LCE, namun yang lebih penting daripada itu ialah idea dan konsep yang telah dilahirkan oleh LCE itu sendiri. Beliau telah meletakkan asas yang kuat dalam membangunkan ekonomi Pulau Pinang. Melalui Zon Perdagangan Bebas, LCE berusaha mengatasi satu masalah besar yang melanda Pulau Pinang iaitu masalah pengangguran yang teruk.

Sektor Perindustrian

Kemenangan GERAKAN dalam pilihanraya 1969 di Pulau Pinang, telah membolehkan parti itu membentuk sebuah kerajaan di negeri itu dengan diketuai oleh LCE. Sebagai Ketua Menteri, beliau dan GERAKAN bertanggungjawab mengatasi masalah ekonomi di Pulau Pinang khususnya masalah pengangguran. Usaha untuk tujuan tersebut dimulakan sebaik-sebaik sahaja beliau mengambil alih pucuk pimpinan di Pulau Pinang pada pertengahan bulan Mei 1969.⁴⁴

Untuk membangunkan ekonomi Pulau Pinang, beliau memberi tumpuan utama kepada sektor perindustrian untuk tujuan tersebut.⁴⁵ Mengikut LCE :

⁴² Jumlah penganggur berdaftar di Pulau Pinang pada penghujung tahun 1971 ialah 24904 orang berbanding dengan 21697 pada penghujung tahun 1972. Jumlah penganggur di Pulau Pinang berkurangan sebanyak 3207 orang. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata kewangan Zon-Zon perdagangan Bebas di Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 1972*, hlm.18.

⁴³ *The Star*, 29/6/73, SP45/3238, Vol.14, No.52.

⁴⁴ *Kwong Wah Jih Poh*, 13/6/69.

⁴⁵ *Kwong Wah Jih Poh*, 13/3/70.

The State Government, in planning for the various sectors of the State's economic advancement, had given priority to industrialisation since that sector of development would clearly provide them with the best opportunity of achieving their objectives.⁴⁶

Selaras dengan matlamat ini, LCE amat giat menjalankan aktiviti menarik kemasukan pelabur-pelabur luar untuk mendirikan kilang di negeri itu. Sungguhpun terdapat banyak rombongan perdagangan yang datang sendiri ke Pulau Pinang bagi meninjau potensi pelaburan serta memberi pujian tinggi kepada suasana pelaburan di negeri itu seperti dari Jepun, Australia, Denmark, Jerman, Belanda, Hong Kong, Amerika Syarikat, New Zealand dan England.⁴⁷ Namun, beliau percaya cara terbaik bagi menambat hati pelabur-pelabur asing ialah mengadakan rombongan ke luar negeri bagi mempromosikan Pulau Pinang.⁴⁸

Sebagai langkah pertama, LCE sering membuat lawatan ke luar negara seperti ke Singapura, Hong Kong, Filipina, Jepun, Indonesia, New Zealand dan Eropah sepanjang tahun 1969 hingga 1974 untuk memperkenalkan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat pelaburan.⁴⁹ Untuk menggiatkan lagi usaha penarikan pelaburan dari luar, pada tahun 1971, beliau menghantarkan Jurutera Elektrik PDC, Encik Tan Kim Poh bersama dengan rombongan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA) menghadiri West Coast Convention of Electronics Manufactures di San Francisco. Ini merupakan salah satu langkah LCE mengadakan rancangan publisiti yang intensif mengenai kesesuaian

⁴⁶ *Straits Echo*, 13/3/70.

⁴⁷ *Straits Echo*, 28/11/69. *Kwong Wah Jih Poh*, 27/1/70. *Straits Times*, 11/3/70. *Sin Chew Jit Poh*, 4/11/70. *China Press*, 5/11/70. *Malay Mail*, 27/1/71. *Kwong Wah Jih Poh*, 13/2/71. *Straits Echo*, 9/6/73. *Sing Pin Jit Poh*, 9/10/73.

⁴⁸ *Straits Echo*, 27/9/73.

dan kemungkinan pusat elektronik didirikan di Pulau Pinang. Dalam perhimpunan ini, Encik Tan telah menemui beberapa pengusaha-pengusaha yang terkemuka di dalam bidang elektronik dari negara Jepun dan Hong Kong.⁵⁰

Pada tahun 1973, LCE mengadakan satu lagi lawatan penggalakan yang diketuai oleh YB Encik Ooi Chooi Cheng, Timbalan Pengurus Perbadanan ke Timur Jauh bersama-sama dengan Ahli Lembaga iaitu Wong Phui Nam dan Abu Talib Othman. Rombongan tersebut melawat Taiwan, Jepun, Hong Kong dan Thailand bagi menemui pelabur-pelabur di negara tersebut mengenai peluang-peluang pelaburan di negeri Pulau Pinang.⁵¹ Usaha penggalakan seumpama ini diteruskan oleh LCE pada tahun 1974 apabila beliau dan Tan Ghim Hwa serta seorang pengawai PDC bertolak ke Australia bagi memulakan perbincangan mengenai soal pelancongan, perumahan dan pembangunan perusahaan serta pembinaan di Pulau Pinang. Berikutnya lawatan ini, satu rombongan perniaga dan pengusaha dari Australia membuat satu lawatan kajian kemungkinan ekonomi di Pulau Pinang pada bulan Julai untuk mendapatkan maklumat secara langsung.⁵²

Selain itu, LCE juga mengambil langkah mencetak buku panduan mengenai pelaburan di Pulau Pinang. Ini bertujuan memastikan pembaca dapat mengetahui kemudahan dan prospek yang boleh diperolehi di negeri ini.⁵³ Untuk itu, beliau menerbitkan sebuah buku bertajuk “ An Investment Guide to Penang ” bagi dijadikan

⁴⁹ *Nanyang Siang Pao*, 13/6/70. *Sin Chew Jit Poh*, 29/20/71. *Straits Echo*, 21/3/72. *Sing Pin Jit Poh*, 18/4/72. *The Star*, 26/9/73. *Straits Times*, 12/10/73.

⁵⁰ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1971*, hlm.3.

⁵¹ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.31.

⁵² Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.27.

⁵³ *Sing Pin Jit Poh*, 3/11/73.

panduan mengenai pelaburan yang paling lengkap di Pulau Pinang untuk diedarkan secara percuma kepada pelabur-pelabur tempatan dan luar negeri. Ia juga dikirimkan kepada Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri dan institusi kewangan. Peta berwarna mengenai pembangunan di Pulau Pinang juga diedarkan bersama panduan itu.⁵⁴

Hasil kesungguhan LCE mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat pelaburan. Maka banyak kumpulan pelabur dari seberang laut serta pengusaha perseorangan membanjiri Pulau Pinang dan menemui beliau bagi mendapatkan talimat mengenai kemudahan pelaburan di dalam negeri itu, serta membuat permohonan bagi membeli tanah untuk projek-projek perusahaan mereka. Misalnya dua pelabur dari Jerman dan Perancis iaitu G.P. Youngman dan R.S. Trost telah membuat lawatan di Pulau Pinang bagi mengkaji potensi pelaburan di negeri itu.⁵⁵ Pada bulan Oktober 1973, sebuah rombongan pelaburan Financial Times dari England yang diketuai David Laughton menemui LCE dan menyatakan minat saudagar-saudagar British untuk mendirikan kilang di Pulau Pinang.⁵⁶ Pada bulan Februari 1974, seorang pelabur Amerika Syarikat, Mr. Ingersoll telah menemui LCE dan memberi pujian tinggi kepada beliau. Mengikut Ingersoll :

*The investment climate of the state looks good and judging from the great number of American factories. I would certainly encourage more United States investors to come here.*⁵⁷

⁵⁴ Perbadanan juga mengadakan jamuan ‘cocktail’ sebagai tanda terima kasih kepada para pelabur sempena ulangtahun agensi tersebut. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.31.

⁵⁵ G.P. Youngman merupakan wakil Kelab Mediterrane dari Paris (satu kumpulan syarikat yang khusus dalam bidang perhotelan), Mr. Trost pula enggan nama syarikatnya disiarkan tetapi dipercayai dari sebuah syarikat berteknologi dari Jerman. Dua lagi kumpulan pelabur ialah dari Rumania dan Austria. *Kwong Wah Jih Poh*, 27/9/73, *The Star*, 27/9/73.

⁵⁶ Misi ini terdiri daripada 27 orang saudagar British. *Straits Echo*, 9/10/73.

⁵⁷ *Straits Echo*, 13/2/74.

Pencapaian dan kejayaan LCE menarik masuk pelaburan asing ke Pulau Pinang telah menyebabkan beliau diberi gelaran ‘super-salesman’ untuk negeri itu.⁵⁸ Mengikut akhbar *Straits Echo* :

*Dr.Lim said at a Press conference today that he was satisfied with the outcome of his tour. A large number of big organisations had announced their intention of investing here and he expected many more to come. Dr.Lim stated that these big organisations involvements ranged from the manufacturing of spectacle frames, hot water bottles to construction of houses and very advanced technology of making lenses. He met 71 organisations in Yugoslavia, Austria, Rumania, Sweden, Poland, France, Holland and United Kingdom and the addition he contacted many private enterprises and individuals through seminars and forums.*⁵⁹

Walaupun LCE mengutamakan pembangunan sektor perindustrian, tetapi beliau menegaskan program pembangunan ini harus dijalankan secara terperinci supaya tidak mengakibatkan masalah pencemaran yang teruk yang boleh menjelaskan kesihatan penduduk negeri itu.⁶⁰ Mengikut LCE :

*Naturally we are anxious wherever we see any evidence of pollution. But controls have been established and we can check and recheck where controls may have failed.*⁶¹

Selaras dengan cita-cita LCE untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah kawasan perindustrian yang terbesar di Malaysia.⁶² Beliau menggalakkan Syarikat-Syarikat

⁵⁸ *Straits Echo*, 27/9/73.

⁵⁹ *Straits Echo*, 26/9/73.

⁶⁰ *The Star*, 17/6/73.

Antarabangsa (SSA) mendirikan kilang-kilang luar negeri mereka di Pulau Pinang. Atas usaha LCE, kumpulan pertama SSA yang memulakan operasi sejak tahun 1972 adalah berasaskan elektronik. Mereka termasuklah Clarion (M) Sdn.Bhd, National Semiconductor Electronics Sdn.Bhd, Robert Bosch (M) Sdn.Bhd, Microsystem International (M) Sdn.Bhd, Litronix (M) Sdn.Bhd, Motorola, Hitachi, Eastern Garments, Hewlett Packard dan sebagainya.⁶³ Kilang-kilang ini mengeluarkan barang-barang keluaran yang berorientasikan eksport. Misalnya, ‘ Printed Circuit Boards ’ keluaran Intron Industries (M) Sdn.Bhd adalah dieksport ke Singapura, Hong Kong dan Canada.⁶⁴ Keluaran chocolate keluaran kilang Chocolate Products (M) Sdn.Bhd juga dieksport ke Jeun, Hong Kong, England dan Australia.⁶⁵

Jenis-jenis perusahaan perkilangan ini merangkumi barang-barang telekom, rambut tiruan, kain-kain tiruan, alat-alat dan mesin kira, permainan kanak-kanak, barang-barang plastik, kain-kain, barang pertukangan tangan, kain baju, alat-alat solek, barang solek, barang perabot, barang-barang buatan getah, barang buatan kain, pembinaan kapal, barang buatan kayu-kayan, kimia dan kimia.⁶⁶ Kesemua ini menunjukkan LCE menggalakkan pelbagai jenis kilang memulakan operasi mereka di negeri itu.

Akibat daripada perkembangan ini, LCE mengambil langkah intensif memajukan lebih banyak tanah untuk dijadikan kawasan perusahaan (Sila Lihat Jadual 6.1).

⁶¹ “ Penang Has Progressed Extremely Well,” in *Malaysian Business*, Oktober 1976, hlm.21.

⁶² *Sing Pin Jit Poh*, 24/3/72.

⁶³ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Pulau Pinang : Kenangan dan Harapan*, hlm.18-19.

⁶⁴ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.24.

⁶⁵ *Straits Times*, 21/11/72.

Jadual 6.1 : Pembangunan Tanah Untuk Perusahaan Antara Tahun 1972 Hingga 1974

Kawasan Perusahaan	1972		1973		1974	
	Dalam Tahun (Ekar)	Kedudukan Pada Akhir Tahun (Ekar)	Dalam Tahun (Ekar)	Kedudukan Pada Akhir Tahun (Ekar)	Dalam Tahun (Ekar)	Kedudukan Pada Akhir Tahun (Ekar)
Kompleks Kawasan Prai *	165	655	92	747	219	966
Kawasan Perusahaan Bagan Serai	82	82	10	92	31	83
Kawasan Perusahaan Mak Mandin	8	183	-	183	10	193
Kawasan Perusahaan Bayan Lepas	-	-	18	18	1	19
Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas	43	47	124	171	122	293
Jumlah	298	967	244	1211	383	1554

* Termasuk Kawasan Perusahaan Prai, Zon Perdagangan Bebas Prai dan Zon Perdagangan Dermaga Prai.

+ 40 ekar tanah telah disediakan untuk perusahaan-perusahaan telah diubahguna kepada perumahan.

Sumber : Disesuaikan daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972, 1973, 1974*.

Berdasarkan Jadual 6.1, beliau memajukan tanah perusahaan seluas 298 ekar untuk menubuhkan kilang-kilang pada tahun 1972. Pertambahan yang banyak dalam

⁶⁶ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Zon-Zon*

keluasan tanah yang dimajukan di Kompleks Perusahaan Prai adalah disebabkan LCE sedar perlunya untuk menubuhkan satu lagi zon perdagangan bebas di kompleks itu iaitu Zon Perdagangan Bebas Prai sebagai tambahan kepada Zon Perdagangan Dermaga Prai bagi perusahaan-perusahaan bercorak eksport yang memerlukan pengangkutan laut disebabkan zon tersebut tidak mempunyai tanah yang cukup bagi perusahaan-perusahaan tersebut. Beliau juga memperluaskan tanah perusahaan di Bagan Serai dan Bayan Lepas kerana pertambahan permintaan untuk tapak-tapak kilang di kawasan tersebut. Bagaimanapun, keluasan tanah di Kawasan Perusahaan Mak Mandin bertambah sedikit kerana keperluan untuk mengurang kesesakan di kawasan itu. Ini berikutan kawasan tersebut telah digunakan sepenuhnya dan juga untuk menyebarkan kilang-kilang ke lain-lain kawasan dalam usaha untuk perusahaan mencapai kadar lebih tinggi dalam pengindustrian luar bandar dan perbandaran di negeri itu.⁶⁷

Pada tahun 1973, LCE memajukan 244 ekar tanah di beberapa kawasan perusahaan. Ini merupakan pertambahan sebanyak 25.2 peratus jika dibandingkan dengan 967 ekar tanah yang dimajukan pada tahun 1972. Dalam tahun ini, beliau menjadikan Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas sebagai zon perdagangan terbesar di Pulau Pinang. Seluas 124 ekar tanah dimajukan di kawasan tersebut. Perkembangan yang pesat ini menunjukkan keazaman LCE untuk memberikan galakkan yang perlu bagi menentukan penerimaan dan pencepatan dalam proses perkembangan ekonomi dalam bidang

Perdagangan Bebas di Pulau Pinang bagi Tahun 1972, hlm.11-12.

⁶⁷ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.4-5.

perusahaan barang-barang untuk dieksport, iaitu satu proses yang dimulakan pada awal tahun 1972.⁶⁸

Pada tahun 1974, LCE terus menjalankan aktiviti memajukan kawasan perusahaan. Beliau memajukan sejumlah 383 ekar tanah dalam semua kawasan perusahaan iaitu 219 ekar tanah di Kompleks Perusahaan Prai, 122 ekar tanah di Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas, 31 ekar tanah di Kawasan Perusahaan Bayan Lepas dan bakinya 11 ekar di kawasan Bayan Lepas dan Mak Mandin.⁶⁹

Bagi LCE, langkah memajukan lebih banyak tanah perusahaan adalah perlu kerana perkembangan pesat sektor perindustrian. Beliau percaya ini berikutan banyak kilang yang didirikan di Pulau Pinang.⁷⁰ Pada bulan Jun 1969, terdapat hanya 15 buah kilang di kawasan 55 ekar tanah dan sedang bergerak dengan modal yang dibayar sebanyak \$ 22.5 juta. Bilangan pekerjaan terus yang disediakan ialah 4500.⁷¹ Manakala, jumlah permohonan bagi mendirikan kilang ialah 46 buah.⁷² Menjelang akhir tahun 1974, 91 buah kilang di kawasan 520 ekar dengan modal yang dibayar sebanyak 2471 juta telah pun berjalan. Pekerjaan terus telah pun meningkat hingga 27278. (Sila Lihat Jadual 6.2)

Adanya banyak kilang-kilang yang beroperasi di Pulau Pinang telah membolehkan LCE mengurangkan masalah pengangguran di negeri tersebut. Kadar pengangguran teruk yang melanda Pulau Pinang iaitu di antara 15 peratus dan 16 peratus pada pertengahan tahun 1969 telah dapat dikurangkan sehingga 8.0 peratus pada akhir

⁶⁸ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1973*, hlm.4-5.

⁶⁹ Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.4.

⁷⁰ *Sunday Times*, 22/4/73.

⁷¹ "Dasar dan Matlamat Perjuangan Gerakan," dalam *Dewan Masyarakat*, hlm.10.

⁷² *Malayan Thung Pao*, 30/6/71, SP45/ 3232, Vol.8, No.52.

tahun 1974. Kesemua ini adalah berpunca daripada kerja keras LCE untuk menarik kemasukan pelabur-pelabur asing mendirikan kilang-kilang mereka di Pulau Pinang.

Jadual 6.2 : Kedudukan Kawasan Perusahaan* Antara Tahun 1969 Hingga Tahun 1974

Perkara	Kedudukan Pada Pertengahan 1969	Kedudukan Pada Akhir 1974
Kawasan Perusahaan Yang Telah Memulakan Pengeluaran	1	7
Kawasan Perusahaan Yang Sedang Dimajukan	1	1
Bilangan Kilang-kilang Yang Telah Memulakan Pengeluaran	15	91
Tanah Yang Diduduki (Ekar)	54.5	520.0
Gunatenaga	2407	27278
Modal Yang Dibayar	22.5	2471
Pengangguran Sebagai Peratus Tenaga Buruh	16	8.0

*Tidak termasuk yunit-yunit kilang MIEL⁺

Sumber : Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahuman Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1974*, hlm.8.

⁺ Terdapat sedikit perbezaan antara kilang jenis sebuah dan yunit kilang MIEL. Kilang jenis sebuah adalah kilang-kilang yang didirikan oleh pengusaha sendiri untuk memenuhi kehendak dan keperluan mereka dan mendirikan kilang di kawasan perusahaan yang diluluskan oleh PDC. Kilang MIEL pula, adalah kilang yang didirikan oleh Syarikat Kawasan-Kawasan Perusahaan Malaysia Sendirian Berhad (MIEL) di atas tanah yang diluluskan oleh PDC. Pengusaha yang hendak melabur bolehlah mohon terus kepada syarikat

Beliau juga sentiasa memberikan jaminan kepada pengusaha-pengusaha kilang ini bahawa jumlah pekerja di Pulau Pinang adalah cukup bagi menampung keperluan dan permintaan kilang-kilang ini.⁷³ Bagi LCE, jaminan seumpama ini penting supaya pelabur-pelabur ini lebih yakin mendirikan kilang-kilang mereka di negeri itu. Mengikut LCE :

*We do not think that there will be a shortage of workers as, at present moment, the full potential of the labour pool available in the state has not been fully tapped.*⁷⁴

Sektor perkilangan ini telah menjadi penyumbang utama mengatasi masalah pengangguran di negeri itu apabila mencipta banyak peluang pekerjaan. Misalnya kilang Malayawata Steel Mill mengambil seramai 1700 pekerja.⁷⁵

Keupayaan LCE mengurangkan masalah pengangguran ini telah mendapat pujian daripada banyak pihak sama ada dalam ataupun luar negeri. Mengikut Menteri Kewangan Indonesia, Dr.Ali Wardhana :

*I personally believe that the development, which was taken place in this country is far ahead of that of Indonesia.*⁷⁶

Manakala, bekas Menteri Buruh dan Tenaga Kerja, Tan Sri V.Manickavasagam berkata :

tersebut untuk ruang kilang tanpa memohon kepada PDC untuk kelulusan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, *Laporan Tahunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 1972*, hlm.7.

⁷³ *The Star*, 5/10/73.

⁷⁴ *Straits Echo*, 5/10/73.

⁷⁵ Kilang ini adalah hasil kerjasama negara Jepun dan Malaysia. Syarikat ini didaftar pada bulan Oktober 1961. Kilang merupakan kilang yang mengambil paling ramai pekerja di Pulau Pinang. *Straits Times*, 16/12/72. *Nanyang Siang Pao*, 17/12/73.

⁷⁶ *Straits Echo*, 30/6/73.

*We are happy that job potentials have increased considerably state in with more factories coming in over in past few years.*⁷⁷

Ini ditambah oleh Pengawai Tadbir Kerajaan Pulau Pinang, Tan Sri Syed Zahiruddin bin Syed Hassan :

*Penang with its great strides in industrial development has become an eye-opener and model state in Malaysia. I am deeply impressed with the development here.*⁷⁸

Pertambahan peluang pekerjaan di Pulau Pinang juga menyebabkan LCE terpaksa mencari tenaga kerja dari negeri-negeri jiran seperti Perlis, Kedah dan Perak.⁷⁹ Mengikut beliau :

*I would venture further and say we would welcome workers from other states.*⁸⁰

Maka boleh dikatakan, kesungguhan LCE memajukan sektor perindustrian telah menyebabkan perkembangan pesat sektor perkilangan di negeri itu⁸¹ dan membawa kepada penciptaan lebih banyak peluang pekerjaan bagi mengatasi masalah pengangguran.

Pada umumnya, bolehlah dikatakan LCE telah bekerja keras membangunkan semula ekonomi Pulau Pinang dengan menggalakkan kemasukan lebih ramai pelabur ke negeri itu. Untuk itu, beliau mendirikan Zon Perdagangan Bebas yang pertama di Malaysia iaitu di Bayan Lepas. Langkah ini juga penting dalam usaha menjadikan

⁷⁷ *Straits Echo*, 3/3/73.

⁷⁸ *The Star*, 14/1/74.

⁷⁹ Pada tahun 1973, tiga peratus pekerja di Pulau Pinang dari negeri Perak. Lima peratus pula dari Kedah. *Kwong Wah Jih Poh*, 29/4/73, SP45/3238, Vol.14, No.52.

⁸⁰ *Straits Times*, 12/12/72.

⁸¹ *Kwong Wah Jih Poh*, 29/11/72.

ekonomi Pulau Pinang tidak lagi berteraskan pertanian sebaliknya tertumpu kepada **sektor** perindustrian iaitu “ export-oriented ” atau perkilangan.